

Hargai Murid, Tingkatkan Motivasi Murid Hadir Ke Sekolah



Labuan, 7 Januari – Hargai murid ke sekolah merupakan elemen penting dalam meningkatkan motivasi murid untuk hadir ke sekolah pada setiap hari persekolahan.

Pendekatan guru penyayang yang dilaksanakan di sekolah adalah antara kaedah mendekati murid-murid supaya rajin ke sekolah selain memastikan keselamatan mereka terjamin.

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin ketika berucap pada Perhimpunan Pagi di Sekolah Kluster Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan Ranche-Ranche berkata, kehadiran yang memberangsangkan murid-murid hadir ke sekolah setiap hari menandakan mereka seronok bersekolah dan rasa dihargai.

Guru-guru penyayang dan suasana sekolah yang menarik serta ceria adalah antara daya tarikan untuk murid-murid hadir ke sekolah setiap hari.



Salah satu inisiatif SKK Sekolah Kebangsaan Ranca-Ranca dengan memberi penghargaan semasa perhimpunan kepada murid yang hadir penuh ke sekolah

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh sekolah ialah program Sekolah Penyayang dan Transisi Tahun Satu.

Di sekolah-sekolah Labuan, bagi menghargai murid-murid yang hadir penuh ke sekolah, inisiatif oleh pihak sekolah bagi menarik minat untuk hadir ke sekolah seperti memberikan penghargaan dan hadiah yang disumbangkan oleh pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah.

Lawatan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan bagi melihat keadaan sekolah dan suasana persekolahan diteruskan di Sekolah Kebangsaan Patau-Patau dengan disambut oleh Guru Besar Encik Abd Rahman Salim.

Terdahulu, Encik Raisin Saidin bersama rombongan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah melawat Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun dan Sekolah Kebangsaan Bebuloh pada 3hb Januari 2019, serta lawatan hari pertama persekolahan di Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan dan Sekolah Kebangsaan Pekan Dua pada 2hb Januari 2019.



Amalan guru penyayang oleh warga pendidik Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun bagi menghargai murid yang hadir ke sekolah



Minggu Transisi Tahun Satu Sekolah Kebangsaan Bebuloh untuk membantu murid baharu menghadapi perubahan dalam keadaan transisi dan pendidikan tidak formal di rumah atau Prasekolah ke arah pendidikan formal di Tahun Satu.